



**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Kedah Darul Aman) yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman seperti yang dinyatakan di bawah ini:

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI	TARAF
1.	Pengawal Keselamatan	KP11	Keselamatan dan Pertahanan Awam	Tetap
2.	Pengawal Keselamatan	KP11	Keselamatan dan Pertahanan Awam	Kontrak
3.	Pembantu Operasi	N11	Pentadbiran Dan Sokongan	Kontrak

KETERANGAN

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan secara *online* (dalam talian) dengan melayari sistem permohonan jawatan kosong Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah di alamat :
<https://espa.kedah.gov.my>
2. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
(u/p: Encik Shafie Bin Shamat) No Tel : 04-7027074
3. Tarikh Buka Permohonan adalah pada **09 Mei 2021 (Ahad)** jam **8.00 pagi** dan Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **20 Mei 2021 (Khamis)** jam **11.59 malam**.

SYARAT LANTIKAN

PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 (TETAP & KONTRAK)

GREDE GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
KP11	RM1,205.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- d) i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred KP11 : RM1,205.00)

atau

- ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan pada Gred KP11 : RM1,205.00)

- e) Dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera berikut:
 - i) Ketinggian badan sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki tanpa bersepatu;
 - ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki;
 - iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26.
 - iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)

- v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
 - vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- f) Syarat Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Bagi Pegawai Sedang Berkhidmat
- Calon yang merupakan bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya hendaklah memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan dalam perkara (a), (b), (d)(ii) dan (e) di atas.

DISKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen, dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298)

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

PEMBANTU OPERASI GRED N11 (KONTRAK)

GREDE GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
N11	RM1,216.00	RM2,983.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- d) i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred N11 : RM1,216.00)

atau

- ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Gaji permulaan pada Gred N11 : RM1,262.15)

- DISKRIPSI TUGAS**
- a) Membantu menyediakan sajian makanan dan minuman di Rumah Tetamu Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
 - b) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan.
 - c) Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.
 - d) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di pejabat atau di lokasi yang ditetapkan oleh jabatan.

**PENAKLUKAN
DI BAWAH SYARAT-
SYARAT SKIM
PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.